

BH

6/10

PLUS pasang sistem OSVD bendung nahas

Kuala Lumpur: Pengendali jalan Lebuhraya Utara-Selatan, PLUS Malaysia Bhd (PLUS), memperuntukkan RM4.3 juta bagi memasang sistem Pengesanan Kenderaan Terlebih Saiz (OSVD) sebagai inisiatif membendung kemalangan di laluan Terowong Menora.

Ketua Teknologi dan Inovasi PLUS, Shamsul Izhan Abdul Majid, berkata sistem OSVD dipasang di Kilometer (KM) 290 (arah utara) Gopeng-Simpang Pulai dan KM226 (arah selatan) Changkat Jering-Kuala Kangsar.

Ketika ini, beliau berkata, pemasangan sistem terbabit sedang berjalan dan dijangka siap sepenuhnya pada suku pertama 2020.

"Sistem OSVD memudahkan pengesanan secara automatik kenderaan melebihi had ketinggian dan kelebaran untuk memasuki Terowong Menora (arah utara) dan Terowong Meru (arah selatan) di Lebuhraya Utara-Selatan.

"Inisiatif ini langkah proaktif kami bagi menangani jumlah kemalangan membabitkan kenderaan berat yang melebihi saiz (ketinggian dan kelebaran) di laluan berkenaan.

"Sistem OSVD terdiri daripada pengimbas laser untuk mengimbas dan menentukan saiz kenderaan (terutama kelebaran dan ketinggian) serta kamera Pencegaman Nombor Pendaftaran Kenderaan Automatik (ANPR) yang digunakan untuk merakam imej dan nom-



Shamsul Izhan Abdul Majid

bor pendaftaran kenderaan.

"Sistem ini akan memaklumkan kepada pihak berkenaan jika ada kenderaan yang melebihi ketinggian atau muatan, dan ini membantu mempercepat tindakan perlu diambil.

"Maklumat diperolehi berhubung kenderaan terbabit akan dipaparkan di Paparan Mesej Elektronik (VMS) untuk memaklumkan kepada pemandu kenderaan berkenaan supaya tidak memasuki terowong dan mengikut laluan alternatif," katanya.

Shamsul Izhan berkata, sekiranya OSVD mengesan kenderaan melebihi had itu dan memaparkan nombor pendaftaran pada skrin VMS terdekat, satu amaran akan dihantar ke Pusat Kawalan Trafik (TMC) PLUS.

"TMC PLUS pula akan menyebarkan maklumat itu kepada agensi penguat kuasa berkaitan bagi mengambil tindakan lanjut terhadap kenderaan terbabit," katanya.



Gambar fail 13 Disember 2018 menunjukkan kemalangan berhampiran Terowong Menora arah selatan.